

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[BATU KAWAN]**

**TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [ BATU KAWAN ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah wanita mengikut kaum etnik, umur dan negeri yang telah berdaftar perniagaan dengan SSM, jenis perniagaan, bilangan yang mendapat pinjaman mikro-kredit dan sumber pinjaman, perniagaan yang dormant dan aktif serta senaraikan semua bantuan kewangan, geran dan sokongan bagi golongan wanita dan ibu tunggal untuk menjana pendapatan mereka selepas COVID-19. Adakah Kerajaan akan menerapkan polisi “gender inclusiveness” yang digunakan oleh Kerajaan negeri Pulau Pinang dan gender responsive budgeting” dalam perangkaan polisi dan belanjawan bagi golongan wanita.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

1. Berdasarkan kepada rekod yang disimpan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sehingga 31 Julai 2020, secara keseluruhannya seramai 1,971,878 pemilik perniagaan wanita telah didaftarkan di SSM. Daripada jumlah tersebut, seramai 608,729 daripada mereka masih menjalankan perniagaan dan masih aktif. Manakala seramai 1,363,149 orang lagi tidak memperbaharui pendaftaran perniagaan mereka.
2. Pecahan statistik mengikut kaum etnik dan negeri pula adalah seperti berikut:

(a) Statistik pemilik perniagaan wanita mengikut kaum etnik:

Bil.	Kategori kaum	Jumlah
1.	Melayu	1,153,709
2.	Cina	604,403
3.	India	160,808
4.	Lain-lain	52,958
<b>Jumlah keseluruhan</b>		<b>1,971,878</b>

(b) Statistik jumlah perniagaan pemilikan wanita mengikut negeri:

Bil.	Negeri	Jumlah
1.	Perlis	23,743
2.	Kedah	150,426
3.	Pulau Pinang	145,112
4.	Perak	174,847
5.	Selangor	530,638
6.	Kuala Lumpur	272,335
7.	Putrajaya	5,305
8.	Negeri Sembilan	105,495
9.	Melaka	79,749
10.	Johor	288,420
11.	Pahang	126,057
12.	Terengganu	97,610
13.	Kelantan	130,420
14.	Labuan	7,682
<b>Jumlah keseluruhan</b>		<b>2,137,839</b>

3. Statistik yang dinyatakan adalah berdasarkan kepada rekod yang disimpan di SSM yang tertakluk di bawah undang-undang yang ditadbir olehnya sahaja. Berkenaan maklumat-maklumat lain seperti polisi *gender inclusiveness* dan bilangan perniagaan yang mendapat bantuan dana kewangan sama ada dalam bentuk pinjaman mikro kredit atau lain-lain bentuk bantuan kewangan berserta dengan sumbernya, ia adalah di bawah bidang kuasa kementerian atau agensi lain.

Sekian, terima kasih.